

**TEKS UCAPAN
YBHG. DATUK SERI DR. ABDUL FATTAH
ABDULLAH
PRESIDEN ANGKASA**

**MAJLIS PERASMIAN PEMBUKAAN
KABIN KEDAI RUNCIT KOPERASI KARIAH
MASJID PUTRA NILAI BERHAD**

**DI BAWAH PROGRAM PEMERKASAAN
KOPERASI KARIAH MASJID LUAR BANDAR
(DESA)**

**25 JULAI 2026 (SABTU)
11.00 PAGI
MASJID DATO' KLANA PETRA UNDANG
LUAK, SUNGAI UJANG NILAI
BANDAR BARU NILAI
NEGERI SEMBILAN**

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum

Warahmatullahi

Wabarakatuh, Salam Malaysia MADANI
dan Salam Koperasi.

1. Marilah kita memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadirat Allah SWT kerana dengan limpah rahmat, keizinan dan inayah-Nya, kita dapat berhimpun dalam Majlis Perasmian Pembukaan Kabin Kedai Runcit Koperasi Kariah Masjid Putra Nilai Berhad di bawah Program Pemerkasaan Koperasi Kariah Masjid Luar Bandar (DESA).

2. Firman Allah SWT dalam Surah al-Ma'idah ayat 2:

"...Dan hendaklah kamu bertolong-tolongan dalam melakukan kebajikan dan ketakwaan..."

Ayat ini menjadi asas kepada semangat gerakan koperasi. Koperasi lahir daripada konsep ta'awun atau saling membantu, di mana kekuatan dibina melalui kebersamaan, perkongsian tanggungjawab dan pengagihan manfaat secara adil. Nilai inilah yang

menjadikan koperasi bukan sekadar institusi pembangunan masyarakat.

3. Majlis pada hari ini melambangkan permulaan kepada satu usaha besar untuk memperkasakan ekonomi umat melalui institusi masjid. Kabin yang dirasmikan ini diharapkan menjadi pusat aktiviti ekonomi yang mampu menjana pendapatan, membuka peluang pekerjaan dan memperkukuhkan kedudukan ekonomi ahli kariah serta komuniti setempat.

Hadirin Hadirat yang saya hormati,

4. Sebagaimana yang kita maklum, ketika Kongres Koperasi Kebangsaan yang lalu, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar Ibrahim telah mengumumkan peruntukan sebanyak RM500,000 khusus bagi memperkasa Koperasi Kariah Masjid di seluruh negara. Pengumuman ini merupakan satu pengiktirafan besar terhadap potensi koperasi sebagai instrumen

pembangunan ekonomi rakyat yang berteraskan nilai kebersamaan dan kesejahteraan sosial.

5. ANGKASA menyambut baik amanah tersebut dengan merangka pelbagai inisiatif yang bersifat praktikal dan berimpak tinggi. Antaranya ialah pelaksanaan Program Pemerkasaan Koperasi Kariah Masjid Luar Bandar (DESA) yang menyediakan kemudahan kabin kepada 20 buah koperasi kariah masjid terpilih di seluruh negara. Program ini bukan sekadar menyediakan infrastruktur fizikal malah menjadi pemangkin kepada pembangunan ekonomi komuniti secara mampan.

6. Kabin yang disediakan ini merupakan satu platform untuk koperasi mengembangkan pelbagai aktiviti ekonomi seperti kedai runcit, perniagaan makanan, perkhidmatan komuniti, pemasaran produk tempatan dan pelbagai lagi inisiatif yang bersesuaian dengan keperluan masyarakat setempat.

Lebih penting ia membuka ruang kepada ahli kariah untuk menjana pendapatan, memperkukuhkan ekonomi keluarga dan meningkatkan taraf hidup masyarakat.

7. Saya percaya, apabila koperasi mempunyai kemudahan yang sesuai serta pengurusan yang berintegriti, ia mampu berkembang menjadi sebuah organisasi yang bukan sahaja berjaya dari sudut perniagaan malah menjadi institusi yang membawa manfaat kepada seluruh komuniti. Keuntungan yang dijana akhirnya akan kembali kepada anggota melalui pelbagai bentuk kebajikan, pendidikan dan pembangunan ekonomi.

Hadirin Hadirat yang dihormati,

8. Masjid sejak zaman Rasulullah SAW bukan sekadar tempat mendirikan solat. Masjid merupakan pusat pentadbiran, pendidikan, pembangunan ekonomi, kebajikan serta penyatuan umat Islam. Justeru usaha menghidupkan kembali fungsi masjid sebagai pusat

pembangunan ekonomi merupakan satu agenda yang amat signifikan dalam memperkukuhkan kesejahteraan ummah pada masa kini.

9. Rasulullah SAW bersabda:

"Sebaik-baik manusia ialah orang yang paling bermanfaat kepada manusia yang lain."

(Hadis Riwayat al-Tabarani)

Hadis ini menjadi pedoman kepada kita bahawa kejayaan sebenar bukan diukur melalui keuntungan semata-mata, tetapi sejauh mana kita mampu memberi manfaat kepada orang lain. Inilah roh sebenar gerakan koperasi.

10. Koperasi Kariah Masjid mempunyai keistimewaan tersendiri kerana beroperasi berasaskan prinsip amanah, keadilan, kebersamaan dan tanggungjawab sosial. Setiap aktiviti ekonomi yang dijalankan perlu memberi nilai tambah kepada masyarakat, khususnya dalam membantu

golongan asnaf, ibu tunggal, belia serta usahawan kecil untuk meningkatkan taraf kehidupan mereka.

11. Dalam era ekonomi yang semakin mencabar, masyarakat memerlukan institusi yang bukan sahaja kukuh dari sudut kewangan tetapi juga mempunyai nilai kemanusiaan yang tinggi. Di sinilah koperasi memainkan peranan yang amat penting sebagai jambatan antara pembangunan ekonomi dan kesejahteraan sosial.

12. Untuk makluman semua, sehingga Disember 2025, terdapat **708 (data Jun 2026) buah Koperasi Kariah Masjid di seluruh negara** dengan keanggotaan seramai 49.684 orang. Gerakan ini turut merekodkan jumlah aset sebanyak RM43.80 juta, syer dan yuran sebanyak RM16.85 juta, serta perolehan mencecah RM34.82 juta.

Hadirin Hadirat yang dihormati

13. Saya berharap Koperasi Kariah Masjid Putra Nilai Berhad akan menjadi contoh kepada koperasi-koperasi lain dalam menguruskan kemudahan yang disediakan dengan penuh amanah, profesional dan berintegriti. Jadikan kabin ini sebagai titik permulaan kepada pelbagai inisiatif ekonomi yang lebih besar dan lebih berimpak pada masa hadapan.

14. ANGKASA akan terus komited memperkukuhkan gerakan koperasi melalui pelbagai program pembangunan, latihan, pemerkasaan digital, pembiayaan, jaringan pemasaran serta kerjasama strategik dengan pelbagai kementerian dan agensi. Kita mahu melihat lebih banyak koperasi menjadi organisasi yang moden, mampan dan mampu bersaing dalam ekonomi masa hadapan tanpa meninggalkan prinsip-prinsip koperasi.

15. Akhir kata, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang telah menjayakan Program

Pemeriksaan Koperasi Kariah Masjid Luar Bandar (DESA), khususnya Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Suruhanjaya Koperasi Malaysia, Jawatankuasa Koperasi Kariah Masjid Putra Nilai Berhad serta semua pihak yang telah memberikan komitmen dalam merealisasikan inisiatif ini.

16. Marilah kita bersama-sama mendoakan agar segala usaha yang dilaksanakan ini diberkati Allah SWT, dipermudahkan segala urusan dan menjadi asbab kepada lahirnya lebih banyak koperasi yang berjaya, berdaya tahan serta mampu membawa manfaat kepada agama, bangsa dan negara. Mudah-mudahan setiap ikhtiar yang kita lakukan hari ini menjadi amal jariah yang berpanjangan dan menyumbang kepada kesejahteraan ummah.

Sekian, wabillahi taufik wal hidayah, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih.